

Pusat arahan mini tangani penerokaan haram



Palanivel (kanan) menunjukkan lokasi penerokaan tanah pertanian ketika membuat tinjauan ke kawasan penerokaan tanah di kawasan Gunung Yong Belar, Lojing.

GUA MUSANG - Sebuah pusat arahan mini akan diwujudkan awal bulan depan bagi menangani aktiviti penerokaan tanah secara haram di Cameron Highlands dan kawasan sekitarnya.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G. Palanivel berkata pusat arahan itu antara lain akan mengatur strategi dan mengumpul maklumat mengenai masalah penerokaan tanah secara haram di kawasan berkenaan.

Pusat itu akan dikendalikan wakil daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands.

"Apa-apa maklumat daripada pusat arahan mini itu akan dilaporkan kepada kementerian setiap minggu selepas mesyuarat pasca Kabinet," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah kawasan penerokaan haram di Gunung Yong Belar, Lojing dekat sini, semalam.

Gunung Yong Belar, yang terletak kira-kira lapan kilometer berhampiran Kampung Raja, Cameron Highlands hanya boleh menggunakan kenderaan pacuan empat roda melalui jalan darat.

Isu penerokaan haram menjadi isu yang sangat serius di situ, ia mesti dihentikan dengan serta merta dan tindakan perlu diambil dengan berhati-hati," katanya.

Palanivel berkata, aktiviti penerokaan tanah secara haram perlu ditangani dengan bersungguh-sungguh bagi melindungi kawasan tanah tinggi itu yang memberi kesan buruk kepada alam sekitar.

Beliau berkata lesen menduduki sementara (TOL) akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha ladang pertanian yang dibuka secara haram bagi mengekang kegiatan aktiviti berkenaan.

"Kita tidak boleh halau mereka, kita perlu kekalkan kawasan yang diterokai yang dijadikan ladang pertanian. Jadi, kita berikan TOL kepada mereka," katanya.-Bernama



Kawasan pertanian haram di kawasan Gunung Yong Belar, yang terletak kira-kira 8km dari Kampung Raja di Cameron Highlands ini hanya boleh dilalui kenderaan pacuan empat roda.



Penerokaan tanah secara haram memberi kesan buruk kepada alam sekitar.



Aliran anak sungai semakin sempit akibat tambakan tanah oleh peneroka yang membuka tapak pertanian haram di kawasan Gunung Yong Belar, Lojing.